

**BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh dibahagikan kepada

Soalan 1 – Morfologi	: 8 markah
Soalan 2 – Sintaksis	: 6 markah
Soalan 3 – Penyuntingan	: 11 markah
Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard	: 6 markah
Soalan 5 – Peribahasa	: 4 markah

**Perhatian bagi soalan 1 – Morfologi**

1. Berikan 1 markah bagi setiap perkataan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
3. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
4. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
5. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
6. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
7. Isi tidak jelas, berikan ½ markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
9. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.

**Jawapan Soalan 1 : Morfologi****Kata majmuk****(i) Budi bahasa**

- adab sopan santun
- kesopanan

**(ii) jati diri**

- Sifat atau ciri yang unik dan istimewa (dari segi adat, bahasa, budaya, agama) yang menjadi teras dan lambang keperibadian seseorang individu, sesuatu bangsa dsb, identiti.

**(iii) tunjang negara**

- sokongan / bantuan tanah air / nusa

**Kata kerja**

- (i) berfungsi
- mempunyai fungsi
  - melaksanakan fungsi
  - bertugas
- (ii) berteraskan
- berasaskan
  - berdasarkan
- (iii) melambangkan
- menggambarkan
  - menjadi sebagai tanda
- (iv) melahirkan
- mendatangkan
  - menghasilkan
  - mewujudkan

[8 markah]

**Jawapan Soalan 2 : Sintaksis**

- (i) **Subjek** : Kebanyakan remaja kini  
**Predikat** : mempunyai blog sendiri.
- (ii) **Subjek** : Impian mereka  
**Predikat** : adalah untuk menjadi penulis blog.
- (iii) **Subjek** : Kemudahan rangkaian Internet secara meluas yang disediakan di tempat awam  
**Predikat** : kini telah meningkatkan jumlah penulis blog.
- (iv) **Subjek** : Kebanjiran alat teknologi yang memudahkan remaja mengakses Internet  
**Predikat** : juga turut menambah jumlah penulis blog.

[6 markah]

[Isi cukup : 3 ayat]

**Jawapan Soalan 3 : Penyuntingan**

1. adalah – ialah
2. dipelihara – dipulihara
3. mapan – mampan
4. sosio-ekonomi – sosioekonomi
5. penstabilan – kestabilan
6. demi untuk – demi / untuk
7. hari hutan antarabangsa – Hari Hutan Antarabangsa
8. ramai – banyak
9. jagaan – menjaga
10. mensarankan – menyarankan
11. semua negara-negara – semua negara / negara-negara
12. sebuah – satu
13. mengaitkan – berkaitan

[11 markah]

[Isi cukup : 11 kesalahan]

**Jawapan Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard****Perhatian untuk Soalan 4**

(i) Berikan markah secara *impression*.

Baik	5 - 6
Sederhana	3 - 4
Lemah	1 - 2

(ii) Sekiranya terdapat calon yang banyak melakukan kesalahan tatabahasa, 1 markah ditolak daripada markah keseluruhan.

**Cadangan jawapan**

Kemudian Patih Gajah Mada berfikir dalam hatinya. 'Sekiranya negeri Melaka yang sukar dikalahkan itu binasa, barulah puas hatiku. Jika penjurit tujuh bersaudara yang berada di Bukit Cina itu tidak meninggal dunia, sudah pasti negeri Melaka akan dapat dikalahkan.

Setelah selesai berfikir, Patih Gajah Mada pun teringat akan Petala Bumi. Lalu Patih Gajah Mada menyuruh orang berjumpa isteri Petala Bumi untuk bertanyakan sama ada anaknya yang bernama Kertala Sari yang pergi mencuri di Daha sudah pulang atau belum.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

**Jawapan Soalan 5 : Peribahasa**

- (i) Melentur buluh biarlah dari rebunginya 2m  
(ii) Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi / Bagaimana acuan begitulah kuihnya 2m  
(iii) Baik hati 2m

**[4 markah]****[Isi cukup : 2 peribahasa]****BAHAGIAN B : PEMAHAMAN****Jawapan Soalan 6 : Pemahaman Petikan Umum**

- (i) Maksud rangkai kata *paling efektif*  
- teramat / amat sangat / berkesan / mujarab 2m  
- teramat / amat sangat / efektif 1m  
- paling / berkesan / mujarab 1m
- (ii) Persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2**

**Persamaan**

P1 Jenis penyakit yang terkandung dalam kedua-dua bahan boleh menyebabkan kehilangan nyawa.

P2 Kecuaian dalam tindakan mampu mendatangkan kesan negatif kepada keluarga yang terlibat.

P3 Kedua-dua jenis penyakit mampu menjejaskan kualiti hidup seseorang.

**Perbezaan**

P1 Penyakit dalam bahan 1 merupakan penyakit bawaan vektor.

P2 Penyakit dalam bahan 2 merupakan penyakit kronik.

P3 Usaha menghindari dalam bahan 1 – memastikan persekitaran bersih

P4 Usaha menghindari dalam bahan 2 – pengawalan aspek pemakanan

**[3 markah]****[Isi cukup : 1 persamaan + 1 perbezaan]**

(iii) Kesan-kesan merokok terhadap perokok tegar

P1 kesan kepada paru-paru – sesak nafas, kanser paru-paru

P2 kesan kepada jantung dan salur darah – menyempitkan salur darah, strok

P3 kesan kepada otak dan saraf – penurunan fungsi kognitif (mengingat / berfikir), hilang ingatan, sukar membuat keputusan

P4 kesan kepada sistem pencernaan – pedih ulu hati, gastrik, hilang fungsi hati, keradangan usus

P5 gangguan terhadap hubungan seks – mati pucuk, kemandulan

P6 kesan terhadap penampilan diri – kulit kusam, gigi kuning, rambut gugur, kanser kulit

**\*terima jawapan lain yang difikirkan sesuai**

**[3 markah]**

**[Isi cukup : 2 isi]**

(iv) Cara anda mengajak rakan-rakan agar turut mengamalkan gaya hidup yang sihat

P1 memberitahu rakan-rakan tentang kepentingan mengambil makanan yang seimbang

P2 mengajak rakan-rakan beriadah

P3 menasihati rakan-rakan agar melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala

P4 menyatakan kepada rakan tentang kepentingan menjaga kebersihan diri

P5 memaklumkan kepada rakan bahawa tidur dan rehat yang cukup amat perlu

P6 mengajak rakan menziarahi rakan atau keluarga yang tidak sihat untuk menimbulkan kesedaran mereka terhadap kepentingan mengamalkan gaya hidup yang sihat

P7 mengajak rakan menyertai kempen atau program gaya hidup sihat

**\*terima jawapan lain yang difikirkan sesuai**

**[4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

### Jawapan Soalan 7 : Pemahaman Petikan Sastera

(i) Maksud rangkap kedua pantun

- |   |    |
|---|----|
| - orang yang tidak berbudi akan dipandang hina        | 2m |
| - orang yang tidak berbudi akan dipandang rendah      | 1m |
| - orang yang tidak berbudi seperti besi yang berkarat | 0m |

(ii) Sifat-sifat yang bertentangan dengan nilai kemanusiaan

**Bahan 1**

- P1 memandang pangkat dan darjat
- P2 membiarkan pesakit tanpa diberi rawatan
- P3 mengeluarkan arahan yang tidak wajar

**Bahan 2**

- P1 manusia yang tidak berbudi
- P2 manusia yang memandang harta kebendaan

**Bahan 3**

- P1 anak-anak melupai ibunya
- P2 anak-anak tidak sanggup untuk menjaga ibu yang telah tua
- P3 anak-anak saling menolak untuk menjaga seorang ibu

**\*Jawapan mesti menyentuh semua bahan**

[4 markah]  
[Isi cukup : 3 isi]

(iii) Ciri-ciri seorang yang disanjung dan dihormati

- P1 penampilan yang menarik
- P2 berpendirian teguh
- P3 mempunyai kebolehan berinteraksi dengan baik
- P4 bijak mengendalikan emosi
- P5 menepati janji
- P6 menepati waktu
- P7 mempunyai sifat kepemimpinan
- P8 mempunyai pegangan agama yang utuh
- P9 bersifat pemaaf

**\*terima jawapan lain yang difikirkan sesuai**

[3 markah]  
[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Cara anda menasihati rakan agar bersikap adil terhadap guru-guru

- P1 menyatakan kepada rakan tentang keberkatan ilmu yang disampaikan oleh guru
- P2 menasihati mereka tentang pengorbanan semua guru dalam mendidik murid-muridnya
- P3 menyatakan kepada rakan tentang manfaat kita menghormati guru-guru
- P4 menghadihkan buku tentang perlunya sifat adil dalam diri manusia

**\*terima jawapan lain yang difikirkan sesuai**

[4 markah]  
[Isi cukup : 3 isi]

**Jawapan Soalan 8 : Novel**

Markah penuh 10 markah

**(i) Tindakan-tindakan**

P1 keluar dari bilik Guru Besar

P2 melupakan cita-cita anaknya untuk belajar di sekolah Inggeris

P3 menampar mulut orang putih itu

P4 bersedia menghadapi apa-apa kemungkinan.

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

**Panduan pemarkahan bagi soalan (ii)**

(i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.

(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap.

(iii) Berikan 1 markah bagi setiap sebab yang betul / jelas dan tepat.

(iv) Berikan 1 markah bagi setiap huraian / peristiwa / contoh / bukti yang betul / jelas / tepat.

(v) Markah isi maksimum 4 markah. (Maksimum 2 markah bagi setiap sebab yang betul / jelas dan tepat).

(vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.

(vii) Markah bahasa diberi secara *impression*.

(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.

(ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 6 markah]

**Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa**

1. **Isi : Menyentuh hati kerana menunjukkan pengorbanan pejuang negara demi kedaulatan tanah air**

Huraian : Leftenan Adnan dan pasukannya enggan menyerah kalah kepada tentera Jepun walaupun diminta berbuat demikian. Mereka tetap mempertahankan Bukit Candu walaupun kekurangan senjata dan anggota.

2. **Isi : Menyentuh hati kerana menunjukkan kesungguhan bapa yang mempertahankan maruah keluarganya**

Huraian : Pak Saidi sanggup berhadapan dengan tentera Jepun demi menyelamatkan menantu dan cucu-cucunya. Dia telah membunuh beberapa orang tentera Jepun yang sedang mencari waris keluarga Adnan. Akhirnya, Pak Saidi terkorban.

3. **Isi : Menyentuh hati kerana menunjukkan kasih sayang ibu terhadap anak**

Huraian : Mak Milah enggan membenarkan Adnan menyertai pasukan tentera. Dia bimbang akan keselamatan Adnan dan lebih suka Adnan menjadi seorang guru.

[Lihat halaman sebelah

SULIT

4. **Isi : Menyentuh hati kerana menunjukkan tanggungjawab bapa terhadap anak**  
Huraian : Pak Saidi tidak mempedulikan cercaan orang kampung yang mengkritik tindakannya menghantar Adnan ke sekolah Inggeris. Pak Saidi lebih memikirkan masa hadapan anak daripada pandangan serong penduduk kampung.
5. **Isi : Menyentuh hati kerana menunjukkan kasih sayang suami terhadap isteri**  
Huraian : Adnan telah menghantar Sophia dan anak-anaknya pulang ke kampung Sungai Ramal. Hal ini demikian kerana terdapat ura-ura yang mengatakan perang bakal tercetus. Meskipun sedih terpaksa berpisah dengan keluarganya, namun Adnan lebih mengutamakan keselamatan mereka.

### Novel Tirani

1. **Isi : Menyentuh hati kerana menunjukkan perasaan rendah diri akibat selalu dihina oleh orang lain**  
Huraian : Rakan-rakan Waheeda sentiasa menghina rupa paras Waheeda. Hidungnya yang pesek sentiasa menjadi bahan usikan mereka. Hal ini menyebabkan Waheeda bersedih.
2. **Isi : Menyentuh hati kerana menunjukkan kekecewaan yang dialami wanita dalam rumah tangga**  
Huraian : Waheeda telah diceraikan oleh Zahid yang tidak mempercayai Izzati merupakan anak kandung mereka. Hal ini menyebabkan Waheeda kemurungan dan sentiasa bersedih dan bersendirian.
3. **Isi : Menyentuh hati kerana menunjukkan ketulusan hati anak memaafkan bapanya**  
Huraian : Walaupun Zahid tidak pernah mengakui Izzati sebagai anaknya, namun Izzati tetap menerima kehadiran bapanya. Hal ini demikian kerana baginya kemaafan adalah lebih baik daripada berdendam.
4. **Isi : Menyentuh hati kerana menunjukkan kasih sayang ibu terhadap anak**  
Huraian : Raidah sanggup pergi ke Singapura dari Sarawak demi menemani Waheeda yang akan menjalani pembedahan plastik. Dia sangat bimbang akan keselamatan Waheeda.
5. **Isi : Menyentuh hati kerana menunjukkan kesungguhan dalam menangani cabaran hidup**  
Huraian : Waheeda bertekad untuk bangkit daripada kegagalannya dalam rumah tangga. Dia telah pergi mendapatkan rawatan di Hospital Pusrawi bagi menangani kemurungannya.



**Jawapan Bahagian C : Rumusan**

Markah penuh 30 dibahagikan kepada

- (a) Isi - 20 markah  
 (b) Bahasa - 10 markah

**(a) Isi [20 markah]****Nota**

- (i) Panduan mengira perkataan  
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
- nama khas
  - perkataan berganda
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
  - gelaran
- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
- (iv) Beri markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

<b>Bahagian</b>	<b>Markah</b>	<b>Markah Maksimum</b>
(i) Pendahuluan		2
(ii) Isi tersurat	Fokus 1 (Bahan 1) : 14 markah Fokus 2 (Bahan 1) : 8 markah Fokus 2 (Bahan 2) : 6 markah	16
(iii) Penutup		2
	<b>Jumlah markah</b>	<b>20</b>

**Pendahuluan [2 markah]****Markah**

- |  |   |
|--|---|
| P1 Rumusan membincangkan langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara untuk membendung pencemaran sungai di Malaysia dan kesan-kesan pencemaran sungai. | 2 |
| P2 Rumusan membincangkan langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara untuk membendung pencemaran sungai di Malaysia.                                   | 1 |
| P3 Rumusan membincangkan kesan-kesan pencemaran sungai.  | 1 |

**Fokus 1 : Langkah-langkah membendung pencemaran sungai****Bahan 1**

1. Penubuhan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).
2. **Kementerian Pendidikan Malaysia** perlu menjadikan pendidikan alam sekitar sebagai mata pelajaran.
3. **Kerajaan** turut disaran untuk menubuhkan pusat kajian lapangan.
4. **Kerajaan** meningkatkan denda untuk pesalah pencemaran sungai.
5. **Pertubuhan Bukan Kerajaan** giat memberikan sumbangan dalam melestarikan sungai di Malaysia.
6. Usaha mengadakan Kempen Cintai Sungai dan Jimat Air perlu dijalankan secara aktif melalui program televisyen.
7. Masyarakat memainkan peranan dalam membudayakan prinsip kitar semula penggunaan air.

**Fokus 2 : Kesan-kesan pencemaran sungai****Bahan 1**

1. menjejaskan kualiti air sungai.
2. membunuh flora dan fauna akuatik.
3. sekuriti makanan manusia akan turut terancam.
4. mewujudkan air kotor yang sesuai untuk pembiakan bakteria dan virus yang membawa penyakit.

**Bahan 2**

1. menjejaskan ekonomi negara.
2. membataskan keinginan untuk menjalani kehidupan yang sihat.
3. aktiviti pelancongan akan terjejas.

**Kesimpulan [2 markah]****Markah**

- |   |   |
|---|---|
| K1 Kesimpulannya, semua pihak hendaklah membendung pencemaran sungai agar kelestarian alam kekal terpelihara. | 2 |
| P2 Kesimpulannya, semua pihak hendaklah membendung pencemaran sungai.   | 1 |

**(b) Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa dinilai secara holistik, iaitu

- (i) Cemerlang : 8 - 10 markah
- (ii) Baik : 5 - 7 markah
- (iii) Sederhana : 3 - 4 markah
- (iv) Lemah : 1 - 2 markah

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**